

Electronics for the Future



**ROHM GROUP**

# BUSINESS CONDUCT GUIDELINES

KUMPULAN ROHM  
GARIS PANDUAN PERILAKU PERNIAGAAN

Sila ambil perhatian bahawa versi ini adalah terjemahan Bahasa Melayu yang diolah daripada versi asal Bahasa Jepun. Sekiranya kata-kata dan/atau kandungan berbeza dari versi Jepun yang asal, atau bertentangan dengan undang-undang dan/atau adat negara anda, sila hubungi Jawatankuasa Pematuhan ROHM Co., Ltd.

Kumpulan ROHM berusaha untuk menyelesaikan isu sosial melalui elektronik, dan berdasarkan MISI SYARIKAT, POLISI ASAS PENTADBIRAN, POLISI ASAS JAMINAN KUALITI, MTLAMAT ASAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN, dan POLISI ASAS UNTUK PENDIDIKAN DAN LATIHAN, Kumpulan ROHM berusaha untuk menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti perniagaan kami. Untuk terus melakukan usaha sedemikian, adalah perlu bagi setiap kakitangan Kumpulan ROHM untuk terus dipercayai oleh pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, rakan kongsi perniagaan, dan komuniti setempat. Dengan mengambil kira semua itu, kami menubuhkan Garis Panduan Perilaku Perniagaan ("BCG") pada tahun 1999 yang berfungsi sebagai garis panduan Perilaku khusus untuk semua pekerja.

Untuk bertindak balas terhadap tuntutan sosial, BCG menggariskan garis panduan asas untuk pekerja memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan dan BCG menyediakan garis panduan untuk pematuhan etika perniagaan. BCG memainkan peranan penting dalam tanggungjawab undang-undang dan etika Kumpulan ROHM. BCG akan dikemas kini dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan permintaan masyarakat, undang-undang dan peraturan yang dikemas kini, serta etika perniagaan.

Pada masa sekarang, persekitaran perniagaan industri elektronik sentiasa berubah. Adalah penting untuk semua kakitangan Kumpulan ROHM kembali kepada prinsip asas penubuhan kita dan terus menjadi sebuah syarikat yang sentiasa mencari penyelesaian dengan semangat yang berani walaupun dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berkembang. MISI SYARIKAT adalah semangat pengasas kami, dan kita perlu terus mewarisi prinsip ini dan mengambil tindakan yang selaras dengan apa yang sepatutnya.

Bagi mengekalkan kepercayaan yang telah dibina oleh Kumpulan ROHM selama ini, dan untuk mencapai pertumbuhan syarikat yang lebih kukuh walaupun dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah, saya mengharapkan setiap kakitangan Kumpulan ROHM memahami sepenuhnya BCG dan menggunakanannya sebagai garis panduan dalam kerja harian kita. Saya juga menjangkakan bahawa semua kakitangan Kumpulan ROHM, dengan menggunakan standard etika dan semangat yang sah di sisi undang-undang, akan membina hubungan yang kukuh dan dipercayai dengan pihak berkepentingan dan memainkan peranan penting dalam kejayaan masa depan kita.

Yang Benar,

ROHM Co., Ltd.  
Presiden, CEO  
Katsumi Azuma

# **KANDUNGAN**

---

Kepada warga ROHM

MISI SYARIKAT, DASAR ASAS DAN MATLAMAT ASAS .....	1
Polisi Kemampunan Kumpulan ROHM .....	3
Konsep Garis Panduan .....	4
 Garis Panduan Tatakelakuan Perniagaan Kumpulan ROHM.....	5
 <b>Bab 1 KEWAJIPAN ASAS KAMI .....</b>	<b>6</b>
1-1 Pematuhan kepada undang undang, etika perniagaan dan peraturan-peraturan dalaman, dan menghormati standard antarabangsa .....	6
 <b>Bab 2 HUBUNGAN ANTARA SYARIKAT DAN MASYARAKAT.....</b>	<b>8</b>
2-1. Pemeliharaan Alam Sekitar Global.....	8
2-2. Pendedahan dan Publisiti .....	9
2-3. Aktiviti Sosial dan Kebudayaaan .....	10
 <b>Bab 3 AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI .....</b>	<b>11</b>
3-1. Penyelidikan dan pembangunan .....	11
3-2. Pengeluaran .....	13
3-3. Jualan .....	14
3-4. Perolehan .....	16
3-5. Jenama dan Perhubungan Awam (PR).....	18
3-6. Keselamatan Produk Kami .....	19
3-7. Pengurusan Maklumat Sulit dan Individu .....	20
 <b>Bab 4 MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA .....</b>	<b>22</b>
4-1. Menghormati Kemanusiaan dan Keperibadian .....	22
4-2. Pembangunan Sumber Manusia dan Syarikat .....	24

## **MISI SYARIKAT, POLISI ASAS DAN MATLAMAT ASAS**

---

### **MISI SYARIKAT**

Kualiti adalah keutamaan kita.

Matlamat kita adalah untuk membekalkan dalam semua keadaan, jumlah barang berkualiti tinggi yang konsisten untuk pasaran dan menyumbang ke arah kemajuan budaya.

### **POLISI ASAS PENTADBIRAN**

Menjana keuntungan yang munasabah melalui satu usahasama dalaman yang bersepadu antara syarikat bagi program jaminan kualiti yang komprehensif.

Membangunkan secara global produk-produk utama melalui peningkatan teknologi di setiap bahagian bagi kemajuan berterusan syarikat.

Mengkalkan gaya hidup sihat dan bertenaga dan menghalusi intelek dan memahami kemanusiaan, sekaligus memberi sumbangan kepada masyarakat.

Melebarkan pencarian sumber manusia yang berkemampuan serta memberi pendidikan kepada mereka untuk menjadi asas kepada pembangunan dan kemakmuran yang berterusan.

## **POLISI ASAS JAMINAN KUALITI**

1. Menggalakan pempiawaian dalaman untuk keseluruhan syarikat dan mewujudkan struktur-struktur pengurusan kawalan kualiti melalui data.
2. Menjalankan kajian secara komprehensif dan berterusan bagi pembangunan teknologi dan produk baru.
3. Mempraktikkan kaedah-kaedah kawalan statistik secara proaktif bagi keseluruhan aktiviti-aktiviti syarikat.
4. Mewujudkan struktur-struktur jaminan kualiti untuk segala proses-proses pembuatan.
5. Mempamerkan usaha pengurangan kos bagi setiap produk melalui pemodenan berterusan sistem-sistem pembuatan.
6. Menjamin program jaminan kualiti bagi bahan mentah dan komponen dengan pihak pembekal melalui kontrak.

## **MATLAMAT ASAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

1. Mewujudkan di segenap peringkat, kakitangan yang sentiasa berusaha untuk menimba ilmu baru dan menjana keupayaan secara empirikal dari persepektif yang luas.
2. Melatih kakitangan yang boleh dijadikan pemimpin dalam bidang mereka melalui pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki.
3. Melahirkan kakitangan yang mampu menangani setiap permasalahan serta mampu mencapai matlamat.
4. Melatih kakitangan agar menghargai sepenuhnya kerja secara berkumpulan (teamwork) iaitu hasil kombinasi usaha setiap individu yang terlibat.

## **POLISI ASAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

1. Semua kakitangan akan menggunakan setiap pulang yang tersedia ada bagi mempertingkatkan pembangunan diri.
2. Mereka yang berada dalam kategori pemimpin akan menunjukkan contoh perilaku yang baik pada setiap masa dan keadaan.
3. Penekanan pendidikan adalah latihan semasa kerja oleh para penyelia melalui operasi harian. Latihan tambahan di samping kerja rutin yang perlu dibekalkan.
4. Setiap pengurus akan menilai kakitangan secara adil dan melaksanakan program latihan yang berkesan secara berkala dan konsisten.
5. Setiap pengurus dinilai berdasarkan kejayaan program pendidikan dan latihan yang disediakan kepada kakitangan.

## **Polisi Kemampunan Kumpulan ROHM**

Kami akan menjalankan aktiviti perniagaan yang ikhlas, adil dan telus dari perspektif global selaras dengan objektif dan dasar seperti Misi Syarikat dan Dasar asas, dan berusaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG\*) untuk menyumbang kepada pembangunan mampan masyarakat. Di samping itu, kami akan membina hubungan baik melalui komunikasi dengan semua pihak berkepentingan seperti berikut, mendapat kepercayaan daripada masyarakat, dan mencapai pertumbuhan berterusan syarikat kami.

### **Pelanggan**

ROHM berusaha untuk mendapatkan kepuasan dan keyakinan pelanggan dengan terus membekalkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan cara dan masa yang tepat. ROHM juga terbuka kepada maklum balas dan cadangan pelanggan dan akan menilai mereka secara dalaman. ROHM meletakkan keutamaan tertinggi terhadap keselamatan produk dan berusaha untuk mendedahkan maklumat yang diperlukan.

### **Rakan Kongsi Perniagaan**

ROHM memilih rakan kongsi perniagaannya megikut kriteria yang adil dan rasional. ROHM menghargai hubungan dengan rakan kongsi perniagaan dan menjalankan transaksi yang sama dan adil bagi kemakmuran bersama.

### **Pekerja**

ROHM berusaha untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan selesa, menghormati keperibadian dan nilai-nilai kemanusiaan dan mewujudkan satu tempat kerja yang adil dan bersesuaian di mana setiap pekerja boleh mempamerkan inisiatif individu.

### **Pemegang Saham dan Pelabur**

ROHM berusaha meningkatkan nilai korporat dan keuntungan yang sesuai untuk memberi pulangan yang stabil kepada para pemegang saham dan pelabur. ROHM menawarkan maklumat kewangan untuk memastikan pemegang saham dan pelabur aktif dimaklumkan.

### **Masyarakat tempatan dan Komuniti**

ROHM bertujuan untuk memperkuuhkan pertukaran dengan setiap negara dan komuniti tempatan, menghormati kebudayaan dan adat resam mereka, dan mewujudkan hubungan yang rapat bersama masyarakat dan komuniti setempat. Di samping itu, ROHM akan menjalankan aktiviti sumbangan sosial, aktiviti kebudayaan dan kesenian, aktiviti sokongan, dan berlibat secara aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar global melalui akitiviti perniagaan.

\*SDGs: SDGs: SDGs ialah singkatan untuk Sustainable Development Goals, yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menandakan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai oleh dunia menjelang tahun 2030..

# Konsep Garis Panduan



\* Pelbagai Dasar bermaksud dasar asas untuk mencapai MISI SYARIKAT dan memperoleh kepuasan pelanggan (cth. polisi Kemampunan Kumpulan ROHM).

Sejak dari penubuhan, kumpulan ROHM meneruskan pembangunan mampan dan telah menyumbang kepada pembangunan masyarakat dengan membina hubungan saling mempercayai bersama dengan pihak berkepentingan berpanduan dasar syarikat, seperti MISI SYARIKAT, POLISI ASAS PENGURUSAN.

Pelbagai Dasar termasuk polisi Kemampunan Kumpulan ROHM ditubuhkan untuk menentukan konsep Kesinambungan Perniagaan kami dan untuk membimbang aktiviti perniagaan kami dengan teliti dari perspektif global dan dengan itu menyumbang kepada kemajuan masyarakat yang mampan berdasarkan MISI SYARIKAT dan POLISI ASAS PENGURUSAN. Garis Panduan Kelakuan Perniagaan Kumpulan ROHM ditubuhkan sebagai peraturan etika asas yang mestи dipatuhi oleh setiap pekerja Kumpulan ROHM.

MISI SYARIKAT dan POLISI ASAS PENGURUSAN kekal tidak berubah, tetapi Pelbagai Dasar dan Garis Panduan Kelakuan Perniagaan Kumpulan ROHM akan dikemas kini sejajar dengan perubahan permintaan masyarakat dan piawaian terkini, seperti Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGС), ISO26000, dan Kod Responsible Business Alliance (RBA), supaya kami dapat memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dengan lebih baik.

## Perikatan Bangsa-Bangsa Bersatu Global Compact (UNGС):

Inisiatif Antarabangsa dimana syarikat-syarikat dan organisasi korporat lain mengejar pembangunan masyarakat yang mampan. Pada Mei 2022, ROHM menandatangani UNGС.

## ISO26000:

Standard panduan yang menumpukan kepada tanggungjawab sosial (SR) yang diterbitkan oleh Organisasi Antarabangsa penyeragaman (ISO). Dianggap sebagai panduan kepada semua organisasi untuk memenuhi SR mereka.

## Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA):

Kod yang dirumuskan oleh organisasi yang terdiri terutamanya daripada pengeluar elektronik dan tambahan syarikat teknologi automotif, mainan, pesawat dan IoT. Kod ini terdiri daripada piawaian yang berkaitan dengan Buruh, Kesihatan dan Keselamatan, Alam Sekitar, Etika dan sistem pengurusan untuk bidang ini.



## GARIS PANDUAN TATAKELAKUAN PERNIAGAAN KUMPULAN ROHM

### 1. Tujuan Pembentukan

Garis Panduan Tatakelakuan Perniagaan ini bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap aktiviti perniagaan Kumpulan ROHM, dengan menyatakan peraturan etika yang mana pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan ROHM harus mematuhi apabila mengamalkan polis syarikat seperti MISI SYARIKAT dan POLISI ASAS PENGURUSAN.

### 2. Skop Panduan

Garis Panduan Tatakelakuan Perniagaan ini terpakai kepada mana-mana dan semua pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan ROHM. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak syarikat di luar negara, perubahan yang perlu dibuat kepada Garis Panduan mengikut undang-undang, peraturan, adat istiadat dan struktur perniagaan setiap negara dan daerah. Konsep dan dasar Garis Panduan Kelakuan Perniagaan ini mesti dikekalkan walaupun terdapat sebarang perubahan.

### 3. Kepada Direktor, Pegawai dan Pekerja

Setiap pengarah, pegawai dan pekerja bertanggungjawab bukan sahaja kepada dasar syarikat Kumpulan ROHM (Seperti MISI SYARIKAT dan POLISI ASAS PENGURUSAN), tetapi juga bertanggungjawab terhadap undang-undang dan peraturan masyarakat. Para pengarah, pegawai dan kakitangan Kumpulan ROHM dijangka mematuhi Garis Panduan Kelakuan Perniagaan ini dengan sikap berikut:

- (1) Mengekalkan sikap bertanggungjawab dan proaktif
- (2) Mengekalkan maruah sebagai anggota masyarakat dengan keikhlasan, integriti dan keberanian
- (3) Mengekalkan pemahaman asas menghormati kehormatan, maruah dan pendapat orang lain
- (4) Mengucapkan terima kasih kepada pelanggan, rakan niaga, pemegang saham, pelabur, masyarakat tempatan dan komuniti

### 4. Disiplin Dalaman

Sekiranya mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja melanggar Garis Panduan Kelakuan Perniagaan ini, tindakan tatatertib boleh diambil berdasarkan prosedur tatatertib syarikat, yang diterangkan dalam "Peraturan Pekerjaan" dan peraturan pengurusan sumber manusia lain bagi setiap syarikat Kumpulan ROHM.

# BAB 1 KEWAJIPAN ASAS KITA

## 1-1. Pematuhan kepada undang undang, etika perniagaan dan peraturan-peraturan dalaman, dan menghormati standard antarabangsa

Kami menjalankan perniagaan kami dengan merujuk undang-undang, etika perniagaan dan peraturan dalaman untuk berterusan mendapatkan kepercayaan berbagai-bagai pihak berkepentingan yang mana syarikat patuh kepada undang-undang.

Kami juga menghormati United Nations Global Compact (UNG) ISO 26000, Tatakelakuan Responsible Business Alliance (RBA) dan lain-lain standard tingkah laku antarabangsa

### 1-1-1. Tindakan yang Adil

Kami bertindak dengan kebaikan dan keadilan berdasarkan rasa sosial yang bagus. Kami sedar sepenuhnya tanggungjawab sosial kami, yang syarikat adalah entiti awam masyarakat, dan dengan kesedaran yang kami sebagai individu mewakili syarikat

### 1-1-2. Kepatuhan Kepada Undang Undang dan Etika Perniagaan

Kami selalu menjalankan perniagaan kami dengan kepercayaan dalam kepatuhan yang tegas dengan undang-undang dan etika perniagaan. Kami secara berterusan bekerja untuk mengumpul, mengurus dan memahami undang-undang dan peraturan-peraturan setiap negara yang berkaitan dengan perniagaan kami.

Kami juga memperkenalkan dan menguruskan peraturan-peraturan dalaman sepadan dengan undang-undang berkaitan undang-undang dan peraturan-peraturan

### 1-1-3. Penghapusan Tuntutan yang Tidak Munasabah

Kami akan menunjukkan ketabahan melawan kuasa anti sosial dan/atau kumpulan-kumpulan dan tidak akan tunduk kepada tuntutan yang tidak munasabah

### 1-1-4. Pembetulan, Pencegahan Berulang dan Tindakan Tegas Terhadap Pelanggaran Undang-Undang

Dalam peristiwa dimana kami mengesyaki yang aktiviti perniagaan kami mungkin melanggar undang-undang atau mana-mana etika perniagaan, kami akan melaporkan perkara tersebut kepada atasan atau jabatan-jabatan berkaitan (contoh talian kepatuhan). Tambahan lagi, dalam kes pelanggaran ditemui, kami akan membetulkan dengan segera keadaan tersebut, rancangan pencegahan (kejadian) dan berurusan dengan tegas terhadap tindakan pelanggaran

Sewajarnya, kami tidak akan bertoleransi terhadap mana-mana layanan negatif terhadap mana-mana orang atau kumpulan yang melaporkan aktiviti haram, pelanggaran undang-undang dan/atau etika perniagaan

#### **1-1-5. Pencegahan Rasuah dan Penyelewangan**

Kami memahami dan bersetuju dengan kepentingan dan keperluan untuk mencegah rasuah seperti diarahkan oleh perjanjian antarabangsa dan standard seperti United National Global Compact (UNG), ISO26000, atau Tatakelakuan Responsible Business Alliance (RBA) etc

Sebagai keputusan, kami tidak terlibat dalam mana-mana bentuk rasuah atau tindakan yang mungkin sebaliknya boleh dianggap sebagai rasuah atau mengundang syak wasangka, kepada mana-mana agensi kerajaan negara, ahli-ahli di jawatan rasmi, ahli politik untuk tujuan mendapat kelebihan atau faedah yang tidak wajar. Sebarang rasuah, peras ugut, dan/atau penyelewangan yang tidak dibenarkan

#### **1-1-6. Larangan Memberi atau Menerima Hiburan yang Berlebihan**

Kami melihat polisi-polisi dan peraturan-peraturan syarikat dan tidak memberikan hadiah, makanan atau saluran kewangan yang lain kepada pelanggan atau rakan-rakan perniagaan melebihi had penerimaan sosial

Tambahan lagi, kami sangat berhati-hati dengan apa-apa tawaran, hiburan atau hadiah daripada pembekal-pembekal dan tidak akan menerima apa-apa yang boleh menyumbang keuntungan peribadi

#### **1-1-7. Penyelenggaraan Aset-Aset Syarikat**

Kami menggunakan dan menyelenggara aset-aset nyata dan tidak nyata syarikat

kami tidak melakukan sebarang tindakan, haram atau peribadi, yang mungkin sebaliknya memusnahkan atau mengurangkan nilai-nilai aset

#### **1-1-8. Larangan Konflik Kepentingan**

Kami tidak melakukan sebarang tindakan yang mungkin membawa konflik kepentingan diantara syarikat dan individu-individu

## **BAB 2 HUBUNGAN DI ANTARA SYARIKAT DAN MASYARAKAT**

### **2-1. Pemeliharaan Alam Sekitar Global**

Kami menyedari bahawa bahan, tenaga dan sumber lain yang diperlukan untuk aktiviti pengeluaran kami sangat diberkati dengan pelbagai sumber daripada Bumi dan kepelbagaian biologinya. Dengan pemikiran ini, di semua lokasi perniagaan kami, kami berusaha untuk pemeliharaan biodiversiti dan menjalankan aktiviti alam sekitar secara harmoni dengan persekitaran semula jadi, untuk memastikan persekitaran yang lebih baik untuk generasi akan datang.

#### **2-1-1. Pemeliharaan Alam Sekitar Global**

Untuk memelihara persekitaran global dan menyumbang untuk mencapai masyarakat yang mampan, kami membangunkan aktiviti perniagaan, produk dan perkhidmatan kami berdasarkan piawaian alam sekitar antarabangsa (ISO14000).

Kami juga secara terbuka mendedahkan maklumat mengenai aktiviti alam sekitar kami dan mengekalkan komunikasi terbuka. Sekiranya berlaku sebarang masalah alam sekitar, kami akan mengambil tindakan sewajarnya untuk meminimumkan sebarang kesan terhadap alam sekitar.

#### **2-1-2. Mengejar Operasi Kitaran**

Kami berhasrat untuk mengelakkan pembaziran sumber dan tenaga yang terhad, dan cuba mengurangkan dan mengitar semula sisa dalam aktiviti perniagaan kami seperti perolehan bahan, pembangunan, pengeluaran dan jualan. Kami juga menyasarkan untuk mempunyai kilang dan pejabat yang mesra alam dan selesa untuk mereka yang bekerja di sana, dan melakukan usaha penjimatan tenaga.

#### **2-1-3. Pembangunan Teknologi Mesra Alam**

Kami berusaha untuk membangunkan teknologi yang berguna, seperti teknologi penjimatan tenaga, yang membantu dalam pemeliharaan alam sekitar global. Kami juga menggunakan teknologi ini dalam produk, proses dan kemudahan kami.

Tambahan pula, kami mengawal bahan kimia yang digunakan dalam proses pengeluaran kami dengan sewajarnya seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang dan peraturan serta menghentikan atau mengurangkan penggunaan bahan berbahaya.

#### **2-1-4. Kewajipan Sebagai Satu Warganegara**

Kami cuba untuk mengekalkan persekitaran global bukan sahaja dalam aktiviti perniagaan kami tetapi juga dalam kehidupan peribadi kami sebagai warga masyarakat.

## **2-2. Pendedahan dan Publisiti**

---

Kami berusaha untuk mendedahkan maklumat yang tepat pada masanya, sesuai, berkesan dan meluas berkenaan operasi perniagaan Kumpulan ROHM kepada pihak berkepentingan.

Selain itu, kami mengumpul maklumat daripada orang ramai dan mengambil input dan pendapat dengan serius untuk mendapatkan kepercayaan orang ramai sebagai "syarikat yang telus".

### **2-2-1. Pendedahan Maklumat**

Kami mendedahkan maklumat korporat kami dengan tepat pada masanya, adil dan aktif mengikut kedua-dua keperluan undang-undang dan dasar syarikat kami.

Ini termasuk maklumat berkaitan prinsip korporat, dasar pengurusan, aktiviti perniagaan dan sumbangan sosial Kumpulan ROHM kepada pihak berkepentingan.

### **2-2-2. Dialog dengan Masyarakat Melalui Perhubungan Awam**

Kami berhasrat untuk meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dan mendapatkan kepercayaan daripada orang ramai dengan memaklumkan idea dan intipati pengurusan Kumpulan ROHM dengan betul.

Pada masa yang sama, kami mengambil serius pendapat daripada orang ramai, dan memasukkan maklum balas ke dalam aktiviti perniagaan kami untuk meningkatkan nilai korporat kami.

### **2-2-3. Rekod dan Laporan yang Tepat dan Benar**

Kami merekod dan melaporkan maklumat dengan sewajarnya berdasarkan prinsip dan fakta perakaunan yang adil dan sah. Sehubungan itu, kami membayar kewajipan cukai dengan mematuhi undang-undang cukai yang berkenaan.

Kami berhasrat untuk memberi perhatian kepada kepentingan semua pihak berkepentingan dan menjunjung tinggi kedudukan pihak lain. Matlamat kami adalah untuk mewujudkan dan memupuk hubungan saling mempercayai melalui pendedahan maklumat.

## **2-3. Aktiviti Sosial dan Kebudayaan**

---

Kami menyumbang kepada masyarakat melalui perniagaan kami. Tambahan lagi, sebagai penduduk masyarakat korporat yang baik, kami secara aktif menjalankan aktiviti berkaitan masyarakat dan kebudayaan dan juga memberi sokongan kepada aktiviti tersebut, untuk membantu pembangunan masyarakat bertamadun dan baik

### **2-3-1. Harmoni dengan Masyarakat Setempat**

Kami sasarkan untuk menyumbang kepada pembangunan sosial dan kebaikan yang mana penduduk korporat yang baik dengan berdamai dengan masyarakat setempat

Tambahan lagi, kami menyertai secara aktif dalam -- dan menyokong aktiviti sukarelawan --, membangunkan masyarakat dan membentuk suasana sosial yang lebih baik

### **2-3-2. Aktiviti Kebudayaan dan Sokongan**

Kami menyumbang kepada promosi dan kemajuan sastera dan sains melalui aktiviti kebudayaan kami dan sokongan untuk aktiviti tersebut

Kami juga menyokong aktiviti kebudayaan melalui sokongan institusi awam seperti asasi

### **2-3-3. Sumbangan dan Tajaan**

Dalam memberi respon kepada masyarakat dan juga keperluan sosial, kami menyokong sumbangan dan tajaan dalam menyelesaikan isu-isu sosial, pembangunan sosial, kemajuan dan penambahbaikan kebudayaan

## **Bab 3 AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI**

### **3-1. Penyelidikan dan pembangunan**

Sentiasa menganggap kualiti sebagai keutamaan kami, kami akan mengeluarkan produk berdaya saing dunia dengan membuat usaha yang lebih besar ke arah ciptaan kreatif, penemuan dan penambahbaikan, dan melalui aktiviti pembuatan kami, kami berhasrat untuk menyumbang kepada kemajuan dan kemajuan budaya kami serta peningkatan nilai korporat.

Tambahan pula, kami menggalakkan dialog dengan pihak berkepentingan kami, dan berusaha untuk membangunkan produk baharu, serta dapat mengurangkan dan menyelesaikan pelbagai cabaran masyarakat, termasuk isu alam sekitar.

#### **3-1-1. Penyelidikan dan Pembangunan Produk Peneraju Dunia**

Kami sentiasa mengekalkan sudut pandangan pelanggan kami, melakukan segala usaha untuk memahami keperluan mereka, dan berusaha untuk memberi penyelesaian kepada mereka. Kami berusaha untuk membangunkan produk terkemuka dunia, dan berhasrat untuk menjadikan teknologi baharu kami sebagai standard industri.

Di samping itu, kami berusaha sedaya upaya agar produk ini dapat mencapai kepuasan pelanggan, dan barang yang menggabungkan produk kami boleh menjadi mesra alam dan membantu menyumbang kepada pembangunan manusia selanjutnya.

#### **3-1-2. Penambahbaikan Teknologi dan Hormat terhadap Harta Intelek**

Kami berusaha untuk menambah baik teknologi kami sendiri di setiap bahagian. Kami menujuhkan dan mengumpul hasil pembangunan kami sebagai harta intelek kami, dan menggunakan secara berkesan dalam mengembangkan perniagaan kami.

Kami mempunyai nilai yang tinggi untuk hak harta intelek. Oleh itu, kami tidak akan menggunakan hak pihak ketiga tanpa kebenaran mereka, atau menyalahgunakan hak kami sendiri.

#### **3-1-3. Promosi Pembangunan Global**

Kami mewujudkan kemudahan pembangunan di lokasi terbaik dari perspektif global.

Selain itu, kami cekap menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi sepanjang perjalanan aktiviti pembangunan dengan kerjasama dengan kemudahan-kemudahan ini di seluruh dunia.

### **3-1-4. Promosi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Adil dan Pengurusan Perbelanjaan Penyelidikan Awam yang Sesuai**

Kami akan mematuhi etika penyelidikan dan tidak akan terlibat dalam aktiviti penipuan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan seperti pemalsuan, pemalsuan, kecurian, atau sebarang tindakan lain yang melanggar undang-undang dan peraturan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Kami juga menyedari bahawa banyak perbelanjaan penyelidikan awam dibiayai oleh cukai yang berharga dan penggunaannya yang tidak wajar merupakan satu tindakan yang menjelaskan kepercayaan masyarakat dengan ketara. Apabila menerima perbelanjaan penyelidikan awam, kami akan menjalankan pengurusan yang sesuai dengan mematuhi undang-undang dan peraturan, peraturan dalaman, syarat penerimaan setiap perbelanjaan penyelidikan awam, dan peruntukan kontraknya.

## **3-2. Pengeluaran**

---

Kami berusaha untuk aktiviti pengeluaran sesuai dengan MISI SYARIKAT: Untuk mengekalkan kualiti adalah keutamaan kami, untuk mengeluarkan produk dengan cekap, untuk membekalkan jumlah yang mencukupi pada harga yang berpatutan dan menyumbang kepada masyarakat melalui pembuatan yang berkualiti.

Kami juga menasarkan untuk memilih lokasi terbaik untuk kemudahan pembuatan kami berdasarkan perspektif global.

### **3-2-1. Aktiviti Pengeluaran Mengekalkan Kualiti sebagai Keutamaan**

Dalam setiap proses, untuk memastikan kualiti produk kami menetapkan piawaian dan prosedur yang ketat dan melaksanakan aktiviti pengeluaran mengikut piawaian dan prosedur yang ditetapkan.

Kami tidak akan pernah berpuas hati dengan keadaan yang sedia ada. Kami akan berusaha untuk terus mencapai peningkatan pengeluaran yang kompetitif dan cekap serta mengurangkan kos serta mengekalkan dasar kami iaitu "Kualiti adalah keutamaan kami pada setiap masa."

### **3-2-2. Pengeluaran untuk Kepercayaan dan Jangkaan Pelanggan**

Kami sentiasa berusaha untuk mempertimbangkan pandangan pelanggan dan menghasilkan produk berikutan perubahan dalam keperluan pelanggan.

Oleh itu, kami berusaha untuk mencapai kepuasan pelanggan dari segi kualiti, prestasi, keselamatan dan harga.

### **3-2-3. Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM).**

Untuk memenuhi kewajipan pembekalan kepada pelanggan kami, kami secara global mewujudkan dan mengekalkan sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM), supaya sebarang kesulitan dalam membekalkan produk akibat bencana alam atau apa-apa sebab lain, kami boleh meneruskan perniagaan dan, jika ia terganggu, kita boleh berusaha untuk memulihkan perniagaan seperti biasa secepat mungkin.

### **3-3. Jualan**

---

Kami berhasrat untuk mendapatkan kepuasan dan kepercayaan pelanggan pada setiap masa dengan menyediakan produk yang cemerlang dan perkhidmatan yang sesuai.

Hasrat kami adalah untuk menyumbang kepada masyarakat melalui persaingan yang adil dan bebas. Sehubungan itu, kami melaksanakan aktiviti jualan yang adil berdasarkan rasa sosial dan kesopanan yang kukuh terhadap pelanggan kami.

#### **3-3-1. Aktiviti Jualan Berorientasikan Pelanggan dan Pembinaan Rangkaian**

Kami berusaha untuk memahami keperluan dan permintaan pelanggan kami serta arah aliran pasaran dengan tepat dan secara aktif mencadangkan produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi kami dengan sewajarnya. Untuk mencapai matlamat ini, kami akan berusaha sedaya upaya untuk memperoleh pengetahuan yang luas – bukan sahaja tentang produk dan perkhidmatan kami, tetapi juga tentang pasaran, untuk memaklumkan pelanggan tentang fungsi dan prestasi produk tersebut, dan untuk meneruskan pembangunan produk tersebut dan perkhidmatan yang memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami. Kami juga mewujudkan rangkaian jualan dan pengedaran global untuk membekalkan produk dengan berkesan.

Melalui semua aktiviti ini, kami berhasrat untuk menyumbang kepada mengurangkan dan menyelesaikan pelbagai cabaran masyarakat.

#### **3-3-2. Kepuasan dan Kepercayaan Pelanggan**

Kami berusaha untuk mendapatkan kepuasan dan keyakinan pelanggan dengan terus membekalkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi kami tepat pada masanya dan sesuai. Kami juga berusaha untuk berinteraksi dengan pelanggan dengan rasa sosial dan kesopanan yang mantap, dan memastikan pelanggan memahami pandangan Kumpulan ROHM sambil memberi perhatian kepada pendapat pelanggan dan memberikan maklum balas secara dalaman.

### **3-3-3. Pelaksanaan Aktiviti Jualan Adil**

Selaras dengan globalisasi perniagaan, kami menghargai persaingan pasaran bebas dan mengamalkan aktiviti jualan yang adil. Kami tidak mengejar jualan mahupun keuntungan melainkan kami mematuhi undang-undang, etika sosial dan kewajipan kontrak. Kami tidak akan melanggar mana-mana undang-undang, etika sosial atau kewajipan berkontrak atau terlibat dalam sebarang kelakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, seperti tingkah laku antipersaingan (kartel), bidaan pakatan sulit, transaksi rekaan, sekatan harga jualan, dsb.

Selain itu, kami mematuhi undang-undang dan peraturan import/eksport untuk menyumbang kepada komuniti antarabangsa yang aman dan selamat.

### **3-4. Perolehan**

---

Perniagaan kami bergantung pada kerjasama dan sokongan mereka yang terlibat dalam pelbagai peranan/bidang. Ini termasuk pembekalan bahan, komponen dan peralatan yang diperlukan.

Setelah memperoleh bahan, komponen dan peralatan yang diperlukan atau mensubkontrakkan kerja kami, kami menghargai kepercayaan bersama dengan pembekal kami dari pelbagai negara, dan berusaha untuk maju bersama.

#### **3-4-1. Urusan Sama Rata dan Adil**

Kami akan menjalankan aktiviti perolehan untuk pembekal dengan adil, sama rata, dan sederhana semasa membeli bahan, komponen dan peralatan dsb. dan mendapatkan apa-apa jenis perkhidmatan. Kami tidak akan sekali-kali menguatkuasakan perdagangan yang tidak adil dengan kedudukan yang lebih tinggi.

#### **3-4-2. Pemilihan Pembekal yang Adil**

Kami akan membuka peluang perdagangan secara global dan meluas untuk merealisasikan peluang perniagaan yang sama rata. Semasa pemprosesan pemilihan pembekal, kami akan mempertimbangkan banyak aspek termasuk kualiti, teknologi, penghantaran dan harga. Selain itu, kami akan mempertimbangkan faktor seperti semangat, pengurusan, etika, hak asasi manusia, pengurusan risiko, perlindungan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, penyingkiran kuasa anti-sosial dsb.

#### **3-4-3. Perolehan CSR**

Kami akan berusaha untuk menembusi perolehan CSR dengan persefahaman bersama antara pembekal dan ROHM untuk mempromosikan perolehan CSR berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Rantaian Bekalan Kumpulan ROHM. Kami juga akan berusaha untuk mendapatkan perolehan mesra alam berdasarkan Garis Panduan Perolehan Hijau.

#### **3-4-4. Perolehan Mineral Bertanggungjawab**

Kami berusaha untuk melindungi hak asasi manusia, oleh itu, kami akan berusaha untuk tidak menggunakan mineral konflik yang memberi manfaat kepada kumpulan bersenjata di kawasan yang ditetapkan yang aktivitinya dikaitkan dengan pelanggaran hak asasi manusia sebagai bahan mentah. Selanjutnya, kami akan menyebarkan dasar Kumpulan ROHM kepada pembekal dan meminta mereka untuk mempromosikan tindakan supaya mereka dapat mematuhi dasar tersebut.

### **3-4-5. Menggalakkan Usaha Wajar Hak Asasi Manusia**

Kami membeli bahan, separa produk dan peralatan serta operasi penyumberan luar daripada rakan kongsi perniagaan kami yang mematuhi undang-undang dan peraturan hak asasi manusia setiap negara. Di samping itu, kami akan menyemak secara berkala status pematuhan undang-undang dan peraturan dengan rakan kongsi perniagaan kami dan meminta pematuhan undang-undang dan peraturan seperti yang diperlukan.

### **3-5. Jenama dan Perhubungan Awam (PR)**

---

Kami memahami dasar pengurusan, dan sepanjang tindakan dan aktiviti perniagaan setiap pekerja, kami berhasrat untuk membina jenama yang dipercayai dan diperlukan oleh setiap pemegang kepentingan. Melalui aktiviti perhubungan awam (PR) kami, dengan menghebahkan teknologi, produk dan aktiviti korporat kami secara dalaman dan luaran, kami akan meningkatkan publisiti dan nilai jenama korporat kami (ROHM).

#### **3-5-1. Nilai Jenama Korporat**

Jenama Korporat mewakili kewujudan syarikat kami dan merupakan sumber perniagaan penting yang boleh memberikan kepercayaan kepada pihak berkepentingan. Kami memahami dan mengamalkan falsafah dasar pengurusan dan bertujuan untuk meningkatkan nilai jenama korporat.

#### **3-5-2. Kandungan Adil dan Sesuai**

Kami mengeluarkan kandungan yang adil dan sesuai dalam aktiviti perhubungan awam kami berdasarkan maklumat yang tepat dan berdasarkan fakta mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Kami memerhatikan ketenteraman dan moral awam dan tidak menyatakan apa-apa yang tidak adil yang boleh membawa kepada kepalsuan, fitnah, diskriminasi sosial, pelanggaran hak asasi manusia, dan sebagainya.

#### **3-5-3. Peningkatan Kepercayaan dan Pengiktirafan Nama**

Kami berhasrat untuk meningkatkan kepercayaan dalam teknologi, produk dan pengiktirafan jenama kami melalui usaha dan aktiviti perhubungan awam kami dan meningkatkan nilai jenama korporat.

### **3-6. Keselamatan Produk Kami**

---

Kami berusaha untuk memastikan keselamatan produk kami dalam semua aspek aktiviti perniagaan kami. Salah satu keutamaan kami ialah keselamatan dan keselamatan pelanggan kami (termasuk pengguna akhir) yang menggunakan produk kami.

#### **3-6-1. Keselamatan Produk Kami**

Kami berusaha untuk menjalankan aktiviti pembangunan, pengeluaran dan jualan kami dengan penuh perhatian terhadap kualiti dan keselamatan sebagai keutamaan kami selaras dengan keperluan undang-undang, syarat kontrak pelanggan kami dan peraturan dan piawaian dalaman kami.

Kami berusaha untuk mendapatkan fungsi yang tinggi, prestasi tinggi dan kebolehpercayaan sambil memastikan tiada isu liabiliti produk boleh timbul.

#### **3-6-2. Penyediaan Maklumat yang Betul dan Mesra Pengguna**

Untuk mengelakkan penyalahgunaan, penggunaan tidak wajar dan kemalangan, kami memberikan pelanggan kami “maklumat tentang keselamatan” termasuk persekitaran penggunaan dan corak penggunaan menggunakan paparan dan penjelasan yang boleh difahami.

#### **3-6-3. Tindakan Kami Apabila Kemalangan Berlaku**

Jika kami menerima maklumat mengenai keselamatan produk kami, kami akan segera menjalankan siasatan untuk membongkar fakta.

Sekiranya kami menemui masalah dalam keselamatan produk kami, kami akan dengan setia dan segera menyiasat puncanya dan akan bertindak untuk menghalang pengembangan dan berulangnya masalah itu.

### **3-7. Pengurusan Maklumat Sulit dan Individu**

---

Kami melindungi dan mengurus maklumat dengan sewajarnya termasuk maklumat sulit pihak berkepentingan Kumpulan ROHM, maklumat privasi dan maklumat peribadi pihak berkepentingan sebagai asas penting untuk menjalankan aktiviti perniagaan global kami.

#### **3-7-1. Pengurusan Maklumat yang Sesuai**

Kami memegang pengurusan maklumat yang sesuai selaras dengan piawaian antarabangsa (ISO27001). Ini termasuk maklumat sulit serta data pengurusan.

Kami memperoleh maklumat dengan cara yang sah dan mengendalikannya dengan berhati-hati, untuk mengelakkan kebocoran, dan/atau penggunaan maklumat yang menyalahi undang-undang.

#### **3-7-2. Pengurusan Maklumat Sulit Pihak Lain**

Kami mempertimbangkan dengan teliti keperluan untuk mendapatkan maklumat sulit pihak lain dan tidak akan menerima maklumat sulit pihak ketiga melebihi tahap yang diperlukan. Kami juga dengan tegas melindungi dan mewujudkan perlindungan yang direka untuk mengelakkan sebarang kebocoran maklumat sulit tersebut.

#### **3-7-3. Larangan Perdagangan Orang Dalam**

Kami tidak akan terlibat dalam perdagangan orang dalam, menggunakan maklumat yang tidak diumumkan atau sulit yang diperoleh melalui urusan perniagaan kami. Kami tidak akan sekali-kali menyampaikan maklumat sedemikian kepada orang lain di dalam atau di luar syarikat, termasuk kepada keluarga terdekat, saudara mara dan/atau rakan kami.

#### **3-7-4. Pengendalian Maklumat Individu**

Kami menganggap kepentingan maklumat individu yang diperoleh sepanjang perniagaan kami, dan akan memperoleh, merekod, menggunakan dan membuangnya dengan kaedah yang sesuai supaya tidak berlaku kerugian, pemalsuan atau kebocoran.

### **3-7-5. Perhubungan Terhadap Keselamatan Maklumat**

Kami berusaha untuk menghantar dan menerima maklumat yang sesuai dengan berkesan dan cekap melalui sistem rangkaian maklumat. Apabila menggunakan sistem rangkaian maklumat, kami memberi perhatian kepada potensi plagiarisme dan/atau pemalsuan maklumat oleh pihak ketiga, serta kebocoran maklumat. Dengan berbuat demikian, kami berusaha untuk mencegah sebarang kerosakan kepada pihak ketiga. Selanjutnya, kami menyedari bahawa serangan siber ialah ancaman yang mungkin menjelaskan aktiviti perniagaan kami dengan ketara dan kami berusaha untuk memastikan keselamatan siber dalam memastikan kesinambungan perniagaan dan mencegah kehilangan kepercayaan.

### **3-7-6. Penggunaan Media Sosial Peribadi**

Apabila kami menggunakan media sosial secara peribadi sebagai individu, kami melakukannya dengan integriti moral dan mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman. Melalui penggunaan media sosial atau pertukaran lain, kami tidak akan menghantar sebarang maklumat sulit atau maklumat individu yang diperoleh melalui perniagaan kami.

## **Bab 4 MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

### **4-1. Menghormati Kemanusiaan dan Keperibadian**

Kami menghormati keperibadian setiap pekerja bagi memastikan kehidupan mereka sihat dan stabil. Di samping itu, kami mematuhi piawaian kelakuan antarabangsa, undang-undang berkaitan, dan undang-undang bagi setiap negara dan wilayah. Selanjutnya, kami memahami kepelbagaiannya budaya, adat resam, dan nilai-nilai lain bagi setiap negara dan wilayah. Kami berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang ideal dan selesa serta memelihara dan menggalakkan kesihatan dari sudut fizikal dan mental.

#### **4-1-1. Pemeliharaan dan Penambahbaikan Keadaan Buruh**

Kami menghargai keperibadian setiap pekerja. Kami merancang untuk membina sistem yang pelbagai untuk mengendalikan pekerja serta menambahbaik keadaan kerja agar pekerja berasa selesa dan mewah.

#### **4-1-2. Persekutaran Pejabat yang Selesa dan Selamat**

Kami berusaha untuk mencegah kemalangan yang berkaitan dengan kerja dengan melaksanakan langkah pengurusan berdasarkan pengenalpastian punca-punca bahaya di tempat kerja dan tahap kebahayaannya. Kami juga mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, dan selaras dengan piawaian antarabangsa (ISO 45001), kami berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan program pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Jika sebarang kemalangan berlaku di tempat kerja, kami akan segera mengambil langkah yang sewajarnya dan berusaha untuk mencegah perkembangan dan pengulangan.

#### **4-1-3. Realisasi Keseimbangan Kerja dan Kehidupan**

Kami menyedari bahawa terdapat pelbagai gaya kerja. Kami menyokong keseimbangan kerja dan kehidupan dan berusaha untuk memaksimumkan kemungkinan dalam mempromosikan kepuasan kerja.

#### **4-1-4. Menghormati Privasi**

Kami menghormati privasi setiap individu. Kami memberikan perhatian yang teliti apabila berurusan dengan data peribadi dan memastikan pengurusan yang bersesuaian dengannya.

#### **4-1-5. Menghormati Hak Asasi Manusia dan Larangan Terhadap Diskriminasi**

Kami menghormati hak asasi manusia dan hak-hak lain bagi setiap orang. Kami tidak membenarkan perkataan diskriminasi, tingkah laku, atau layanan.

#### **4-1-6 Memahami Kepelbagaian**

Kami menghormati kepelbagaian budaya, adat resam, dan nilai-nilai lain bagi setiap negara dan wilayah.

#### **4-1-7. Pemeliharaan Hubungan Kemanusiaan yang Baik**

Kami tidak akan bertolak ansur atau terlepas pandang terhadap sebarang gangguan, termasuk dengan tingkah laku dan amalan yang tidak boleh diterima , atau ancaman yang mengakibatkan kemudaratian fizikal, psikologi, seksual atau ekonomi. Kami juga akan mengekalkan hubungan kemanusiaan yang baik dan berusaha untuk menjadikan tempat kerja kami adil dan saksama.

#### **4-1-8. Larangan Terhadap Buruh Kanak-kanan dan Buruh Paksa**

Kami mematuhi undang-undang dan peraturan buruh yang berkaitan dengan perkerjaan, upah, dan syarat buruh lain. Kami akan melarang buruh kanak-kanak dan tidak akan melibatkan pekerja di bawah umur, lapar belas (18) tahun dalam pekerjaan yang boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan mereka. Kami memahami bahawa semua kerja adalah sukarela dan tidak akan membenarkan sebarang kerja paksa atau tidak adil yang tidak diingini oleh pekerja.

## **4-2. Pembangunan Sumber Manusia dan Syarikat**

---

Kami sentiasa berusaha untuk memperoleh pengetahuan baharu dan menjadi peneraju dalam bidang tersebut. Kami bercita-cita untuk menjadi sebuah syarikat yang berkongsi semangatnya dengan pekerja dan menjalankan perniagaannya dengan kerjasama erat setiap peringkat pekerja. Kami menggalakkan pembangunan bersama syarikat dan pekerjanya.

### **4-2-1. Pembangunan Sumber Manusia**

Kami menganggap pembangunan sumber manusia sebagai asas untuk kemakmuran kekal di dalam syarikat kami. Mana-mana orang yang berada dalam kedudukan kepimpinan akan bertindak sebagai model bagi tingkah laku yang baik dan sikap positif. Dia akan berusaha sedaya upaya untuk menggalakkan rakan sekerja ke arah pertumbuhan positif sebagai individu di dalam masyarakat. Sehubungan itu, kami akan terus mencari sumber manusia yang berkebolehan dan mencari cara untuk memupuk sikap kemanusiaan, intelek, berpengetahuan yang luas, wawasan mendalam, kepakaran, dan rasa keantarabangsaan mereka.

### **4-2-2. Perkembangan Diri**

Kami sentiasa berkelakuan sopan, melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti, terus berusaha untuk memajukan diri dan berusaha untuk memperbaiki diri melalui setiap peluang yang ada.

### **4-2-3. Pencegahan Peningkatan Risiko**

Kami menganggap dan menganalisis setiap risiko dalam aktiviti perniagaan kami dan berusaha untuk menghalang peningkatannya setiap hari.

---

## Garis Panduan Perilaku Perniagaan Kumpulan ROHM

---

Versi Asal Bahasa Jepun	Edisi Pertama: 1 January 1999 Edisi Kedua: 1 April 2006 Edisi Ketiga: 1 April 2010 Edisi Keempat: 1 Oktober 2013 Edisi Kelima: 1 Oktober 2022 Edisi Kelima yang Disemak Semula: 1 April 2025
Terjemahan Bahasa Melayu	Edisi Pertama: 1 April 2007 Edisi Kedua: 1 April 2010 Edisi Ketiga: 1 Oktober 2013 Edisi Keempat: 1 Oktober 2022 Edisi Keempat yang Disemak Semula: 1 April 2025

---



Electronics for the Future